



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN
BIL. 15 TAHUN 2001
(TAMBAHAN PERTAMA KEPADA SPP BIL. 3 TAHUN 1995)**

Semua Pegawai Pengawal
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
YB Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Eksekutif Badan Berkanun Persekutuan

HAD KUASA AGENSI BAGI PELANTIKAN PERUNDING

Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) ini bertujuan menerangkan peraturan dan had kuasa agensi dalam perolehan perkhidmatan perunding bagi perolehan kerja yang kurang daripada RM30 juta.

2. Mulai tarikh SPP ini Lembaga Perolehan Kementerian adalah diberi kuasa untuk melantik perunding atau melantik perunding pengurusan projek (PMC). Peraturan ini juga boleh dipanjangkan kepada Jabatan Persekutuan Peringkat Negeri dan Agensi di bawah Pegawai Pengawal sekiranya mereka memerlukan perkhidmatan berkenaan, namun hendaklah diluluskan oleh Lembaga Perolehan Kementerian.

3. Pemilihan hendaklah dibuat di kalangan firma yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan. Walau bagaimanapun, Perbendaharaan boleh menyekat mana-mana pelantikan sekiranya didapati tertumpu kepada sesuatu firma. Peraturan lain di bawah SPP Bil. 3 Tahun 1995 hendaklah dipatuhi.

4. Semua pelantikan perunding atau PMC hendaklah dimaklumkan kepada Perbendaharaan dalam masa satu minggu selepas keputusan oleh Lembaga Perolehan untuk maksud pemantauan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(Tan Sri Dr. Samsudin bin Hitam)
Ketua Setiausaha Perbendaharaan

24 Oktober 2001

s.k.

Ketua Setiausaha Negara
Ketua Audit Negara Malaysia
Akauntan Negara Malaysia
Semua Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri